

Bagi mengelakkan implikasi buruk pada masa depan

Kanun tanah negara perlu disemak - PM

Oleh **AHMAD FADHLULLAH
ADNAN**
utusannews@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Kanun tanah negara perlu disemak atau diteliti semula berikutan keputusan mahkamah mengarahkan kerajaan memindah milik tanah seluas 106.542 hektar di Mukim Batu, Jalan Duta kepada Seman-

tan Estate Sdn. Bhd. (SESB).

Semakan itu bagi mengelak implikasi buruk kepada negara pada masa akan datang jika undang-undang sedia ada terus digunakan untuk mengambil semula tanah-tanah rakyat yang dahulu diambil sejak merdeka untuk tujuan kerajaan oleh sektor swasta.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, kerajaan

patuh dengan keputusan mahkamah serta berpendapat hakim berkemungkinan tertakluk kepada undang-undang yang ada dalam memutuskan perkara itu.

"Tanah itu diambil untuk kemudahan awam, badan kerajaan dan sebagainya, bukan untuk swasta. Tetapi hakim mungkin tertakluk undang-undang yang ada.

"Jadi, saya akan cadangkan kepada Jemaah Menteri untuk melihat semula undang-undang ini kerana kalau prinsip ini digunakan, bagaimana dengan tanah-tanah rakyat yang dahulu diambil sejak merdeka untuk tujuan kerajaan kemudian diambil alih oleh sektor swasta?"

Bersambung di muka 2